

PENCEROBOHAN PENJAJAH: SATU PENDEKATAN TEMATIK DALAM *BABAD TANAH JAWA* DAN *ARUS BALIK*

The Colonial Invasion: A Thematic Approach in Babad Tanah Jawa and Arus Balik

Aqhari Isa*

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
11800, USM, Pulau Pinang, Malaysia

*aqhari94@gmail.com

Published: 30 Disember 2024

To cite this article (APA): Isa, A. (2024). Pencerobohan penjajah: Satu pendekatan Tematik dalam Babad Tanah Jawa dan Arus Balik. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(2), 77-88. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.8.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.8.2024>

ABSTRAK

Makalah ini memberi tumpuan terhadap isu pencerobohan penjajah di Tanah Jawa yang terdapat dalam *Babad Tanah Jawa* dan *Arus Balik*. *Babad Tanah Jawa* ialah sebuah buku klasik hasil sastra Jawa yang asalnya bernama *Babad Tanah Djawi*. Teks ini mula disunting pada tahun 1884 namun pengkaji dalam makalah ini akan menggunakan pakai versi yang disunting oleh M. Ramlan, 1975. *Arus Balik* pula merupakan sebuah novel yang ditulis oleh Pramoedya Ananta Toer pada tahun 1995. Novel ini merupakan sebuah epik pasca-kejayaan Nusantara sebagai kesatuan dan kekuatan Maritim pada awal abad ke-16. Tujuan makalah ini ditulis adalah untuk membandingkan kedua-dua buah teks tersebut dari sudut latar kemasukan penjajah ke Tanah Jawa berlandaskan pendekatan tematik. Pendekatan tematik ialah satu kaedah membandingkan antara sebuah karya sastra dengan sebuah atau sekelompok karya sastra lain berasaskan subjek atau unsur naratif yang pusat atau dominan. Hasil penelitian mendapati bahawa tiga faktor utama yang menjadi punca kemasukan penjajah Barat di Tanah Jawa; pertama sikap dan kepercayaan kuno, kedua perang saudara dan ketiga berkomplot dengan penjajah. Ketiga-tiga faktor ini telah memperlihatkan tema kekuasaan dan kerakusan pemimpin, peperangan dan pengkhianatan oleh bangsa Jawa itu sendiri. Akhirnya didapati bahawa isu pencerobohan penjajah dalam teks *Babad Tanah Jawa* bersifat setempat namun Pram dalam *Arus Balik* melihat isu tersebut dalam konteks yang lebih luas.

Kata Kunci: *Arus Balik*; *Babad Tanah Jawa*; pencerobohan; penjajah; Tanah Jawa

ABSTRACT

This paper focuses on the issue of colonial invasion in Java found in the Babad Tanah Jawa and Arus Balik. Babad Tanah Jawa is a classic book of Javanese literature originally named Babad Tanah Djawi. This text was first edited in 1884 but the researcher in this paper will use the version edited by M. Ramlan, 1975. Arus Balik is a novel written by Pramoedya Ananta Toer in 1995. This novel is a post-success epic of the archipelago as a maritime union and power in the early 16th century. The purpose of this paper is to compare the two texts from the perspective of the colonial entry into Java based on a thematic approach. The thematic approach is a method of comparing a literary work with one or a group of other literary works based on a central or dominant subject or narrative element. The results of the research found that three main factors are the cause of the entry of Western colonists in Java; firstly, individual attitudes and beliefs, secondly civil war and thirdly conspiring with the colonialists. These three factors have shown the theme of the leader's power and greed, war and betrayal by the Javanese people themselves. Finally, it was found that the issue of colonial invasion in the Babad Tanah Jawa text is local but Pram in Arus Balik sees the issue in a wider context.

Keywords: *Arus Balik*; *Babad Tanah Jawa*; invasion; colonists; Java Land

PENGENALAN

Pencerobohan penjajah di kawasan Asia Tenggara khususnya di Tanah Jawa telah berlaku sekitar abad ke-17 apabila berlakunya perpecahan antara kerajaan kecil yang menggantikan Kerajaan Majapahit. Hal ini dapat dilihat apabila penjajah Belanda mula pencerobohi dan menguasai wilayah-wilayah ini selama hampir 360 tahun. Begitu juga dengan penjajah Portugis yang masuk ke Nusantara sekitar abad-16. Menurut Edy Suparjan (2019), proses penjajahan yang memakan waktu lebih dari tiga abad tersebut bukanlah sesuatu yang mudah bagi bangsa Indonesia, melainkan berdampak signifikan terhadap negara tersebut baik sama ada secara fizikal ataupun mental. Kehadiran kuasa asing ini telah mencetuskan konflik berpanjangan antara kedua-dua pihak (Timur dan Barat) dan berakhir dengan peperangan (Wan Roshazli Wan Razali, 2023: 33). Dengan itu, makalah ini akan menampilkan faktor-faktor peristiwa pencerobohan penjajah Barat yang datang ke Tanah Jawa menerusi teks *Babad Tanah Jawa* dan *Arus Balik*.

Babad Tanah Jawa merupakan sebuah buku klasik hasil sastra Jawa yang asalnya bernama *Babad Tanah Djawi*. Buku ini telah disunting oleh J.J Meinsma dan diterbitkan oleh S. Grevenhage, Martinus Nyhoff, dalam dua jilid pada tahun 1884 dan 1899 dengan huruf Jawa. Kata “babad” dimaksudkan dengan suatu golongan hasil sastra yang bercorak sejarah, yang mencatatkan berbagai-bagai peristiwa sejarah, di samping dongeng-dongeng yang terdapat di sana sini (M. Ramlan, 1975: ix). Dalam kesusasteraan Jawa tidak kurang daripada 170 buah hasil sastra yang tergolong dalam kesusasteraan babad. Sebahagian besar bersifat ikal, berhubungan dengan sesuatu kota atau kerajaan, seperti *Babad Pesuruhan*, *Babad Pati*, *Babad Trenggalek*, *Babad Kediri*, *Babad Mataram-Kartasura* (M. Ramlan, 1975: ix). Seperti buku-buku babad yang lain, dalam *Babad Tanah Jawa* terdapat dua unsur yang menjadi asas utama dalam teks ini iaitu unsur yang merupakan fakta sejarah dan unsur dongeng. Antara fakta sejarah yang didapati dalam teks ini ialah peristiwa kedatangan Islam manakala unsur dongeng adalah tentang kehidupan di kayangan, seperti dewa-dewi sebagai penduduknya (M. Ramlan, 1975: x).

Teks kedua yang difokuskan dalam makalah ini ialah sebuah novel yang berjudul *Arus Balik*. Novel ini diterbitkan pada tahun 1995 yang merupakan sebuah epik pasca-kejayaan Nusantara sebagai kesatuan dan kekuatan Maritim pada awal abad ke-16. Dengan kata lain, novel ini ialah sebuah novel sejarah yang menceritakan kedatangan Portugis di bumi Nusantara. Novel sejarah ialah karya kreatif yang ditunjangi peristiwa sejarah yang bernilai (Nur Shahirah Amir & Mawar Safei, 2023: 26). Perpecahan dan kekalahan demi kekalahan seakan-akan menjadi sebahagian daripada Jawa yang beruntun tiada hentinya. Pengarang novel ini mencipta watak Wiranggaleng yang menjadi tokoh dalam epik kepahlawanan yang dahsyat ini. Novel *Arus Balik* mengambil sejarah kerajaan Majapahit dan kerajaan Demak sebagai latarnya. Dengan kata lain, *Arus Balik* bukan hanya kisah tentang para sultan dan para adipati Nusantara dan Jawa, ia juga kisah perilaku manusia Nusantara, manusia Jawa, kultur Jawa, kisah tentang ‘the Javanese mind’ dengan berbagai-bagai perwatakannya (Pramoedya Ananta Toer, 1995: x).

Novel ini telah dikarang oleh Pramoedya Ananta Toer sebelum beliau ditahan pada tahun 1965. Pramoedya Ananta Toer atau lebih dikenali sebagai panggilan Pram lahir pada 6 Februari 1925 di Blora, sebuah bandar kecil di bahagian utara Jawa Tengah. Beliau merupakan anak sulung daripada sembilan orang adik-beradik yang dilahirkan hasil daripada perkahwinan M. Toer dengan Saidah. Menurut Koh Young Hoon (1996: 1) mengatakan bahawa Pram dilahirkan semasa berumur lapan bulan dalam kandungan dengan fizikal yang lemah namun akhirnya beliau menjadi salah seorang sasterawan Indonesia yang penting dalam Angkatan 45 (Koh Young Hoon, 1996: ix). Sebagai penulis, Pram sengaja memilih untuk menuangkan hasil penelitiannya dalam bentuk novel daripada suatu karya ilmiah (Pramoedya Ananta Toer, 1995: ix). Oleh itu, bagi menghayati kajian ini dengan lebih jelas maka kisah yang terdapat dalam *Babad Tanah Jawa* dan *Arus Balik* perlu diketahui terlebih dahulu.

Dalam *Babad Tanah Jawa* kisah dimulakan dengan Batara Wisnu sedang bertapa manakala Watugunung iaitu raja di Gilingwesi cuba menakluki Suralaya tetapi dia baginda dikalahkan oleh Batara Wisnu. Raja Watugunung yang sudah mangkat dihidupkan semula manakala Batara Wisnu pula turun ke dunia merajai semua makhluk. Kerajaan Pejajaran yang dipimpin oleh Raden Susuruh telah membunuh seorang pertapa bernama Ajar Cepaka. Tiba-tiba Siyung Wanara muncul untuk mencari

ayahnya dan dia diangkat menjadi perajurit Pejajaran dengan gelaran Arya Banyak Wide. Siyung Wanara berjaya merebut kembali takhta Kerajaan Pejajaran daripada Raden Susuruh sehingga baginda melarikan diri ke arah timur. Rentetan daripada peristiwa itu, Raden Susuruh bertemu dengan seorang pertapa bernama Ajar Cemara Tunggal, pertemuan ini menyebabkan Kerajaan Pejajaran runtuh sebaliknya Kerajaan Majapahit didirikan.

Raden Susuruh mangkat dan tempatnya digantikan oleh puteranya sehingga keturunan Raja Adaningkung berkuasa. Keris Sunan Giri pula mengamuk dan menentang tentera Majapahit tetapi tentera Majapahit berjaya menakluki Daerah Giri. Namun tentera Majapahit diusir keluar oleh pasukan kumbang yang datang dari makam Sunan Giri. Kesan daripada pertempuran itu menyebabkan Raden Patah berjaya menakluki Majapahit dan seluruh rakyat tanah Jawa tunduk hormat kepada kerajaannya iaitu Kerajaan Demak. Di sini para wali mendirikan Masjid Demak dan Sunan Kalijaga mendapat sejadah serta kain selendang Nabi Muhammad. Jaka Tingkir pula berangkat ke Demak dengan menaiki perahu sehingga dia dibantu oleh 40 ekor buaya. Jaka Tingkir kemudian berkahwin dengan puteri sultan dan diangkat menjadi Adipati Pajang. Setelah Sultan Pajang mangkat, atas saranan Sunan Kudus maka Adipati Demak iaitu menantu sultan menaiki takhta.

Tentera Surabaya dan sekutunya menyerang Kerajaan Mataram sehingga tercetusnya pemberontakan di Pajang, Tuban dan Madura namun Kerajaan Mataram berjaya menakluki wilayah-wilayah tersebut manakala tentera Surabaya pula menyerah kalah. Semasa Kerajaan Mataram berkuasa, Kompeni Belanda berada di Betawi. Pada masa itu berlakunya perang saudara antara Trunajaya dengan Kraenggalesung sehingga Kerajaan Mataram jatuh ke tangan Trunajaya. Kompeni Belanda mengambil kesempatan sehingga mereka berjaya menakluki Trunajaya manakala Susuhunan Mangkurat berjaya menakluki Giri sekali gus wujudnya kerajaan baharu yang dikenali sebagai Kerajaan Kartasura. Masyarakat Jawa mula bekerjasama dengan Belanda apabila Pangeran Cakranigrat dan Jangrana memujuk Pangeran Puger supaya dia menaiki takhta namun dengan bantuan Belanda akhirnya beliau dapat menaiki takhta. Akhirnya Kerajaan Mataram jatuh ke tangan tentera Kartasura dengan bantuan Kompeni Belanda.

Sinopsis dalam novel *Arus Balik* pula mengisahkan seorang lelaki yang bijak bernama Rama Cluring. Dia berkelana mengelilingi desa untuk bercerita tentang kemasyhuran Kerajaan Majapahit di sebuah desa bernama Awis Krambil. Dalam ceritanya, dia mengutuk perpecahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat sehingga Kerajaan Majapahit runtuh. Penduduk desa di situ menganggap cerita Rama Cluring sebagai satu malapetaka yang akan menghancurkan desa mereka oleh para perajurit Tuban. Rama Cluring kemudiannya diusir oleh penduduk Desa Awis Krambil namun terdapat sepasang anak muda yang masih setia mendengar ceritanya iaitu Galeng dan Idayu. Galeng seorang pemuda desa yang memenangi kejuaraan gusti di Tuban manakala Idayu seorang penyandang juara dalam bidang tarian dan kecantikan. Galeng dan Idayu kembali menyertai pertandingan gusti dan tarian di Tuban untuk mewakili Desa Awis Krambil. Akhirnya, mereka diumumkan sebagai pemenang dan dihadihkan pernikahan mewah oleh Kerajaan Tuban.

Galeng dilantik menjadi Syahbandar Muda di Tuban bagi menggantikan Rangga Ishak yang dibuang negeri. Ketika Galeng meninggalkan Idayu berseorangan, tiba-tiba Thalib Sungkar Az-Zubaid membius dan menyetubuhinya sehingga dia mengandung. Situasi ini menyebabkan Idayu berasa hina sehingga dia meminta Galeng untuk membunuh dirinya dan bayi yang lahir daripada rahimnya itu. Namun atas dasar cinta, Galeng tidak membunuh Idayu sebaliknya dia menjaga dan merawat anak itu sehingga besar. Peranggi menjadi masyhur dan terkenal dengan kapal-kapalnya kerana memiliki senjata meriam. Keganasan Peranggi menyebabkan Kerajaan Demak menentang mereka manakala Adipati Unus Jepara cedera parah akibat terkena serpihan meriam. Walau bagaimanapun, dia mati kerana dibunuh oleh saudara kandungnya sendiri iaitu Sultan Trenggono.

Demak cuba menguasai Tanah Jawa semula apabila mereka mula bergerak ke arah Timur Jawa. Pada masa itu Kerajaan Tuban menjadi sasaran utama kerana mereka merupakan bandar besar yang penting bagi aktiviti pelayaran di Jawa Timur. Sewaktu tentera Tuban keletihan mereka diserang oleh Peranggi sehingga dihalau keluar daripada tanah mereka sendiri. Pada masa inilah Galeng dianugerahi Senapati

Wiranggaleng kerana melancarkan serangan balas terhadap Peranggi. Serangan itu berjaya dan Kerajaan Tuban kembali ke tangan mereka. Kerajaan Tuban yang tiada pemimpin ketika itu menginginkan Senapati Wirangglaeng menjadi Adipati Tuban tetapi dia menolak. Akhirnya, Wiranggaleng pergi ke pedalaman bersama-sama isterinya Idayu serta anak aslinya bernama Kumbang. Mereka menjadi petani dan menjalani kehidupan dengan tenang tanpa ada kegusaran dunia. Melalui sinopsis kedua-dua buah teks tersebut, maka kajian ini akan membandingkannya dengan menampilkan peristiwa-peristiwa yang mencetuskan pencerobohan penjajah di Tanah Jawa.

PERNYATAAN MASALAH

Kisah pencerobohan penjajah di Tanah Jawa dan Nusantara yang terdapat dalam karya-karya sastra kurang diketahui umum. Kebanyakan khalayak pembaca hanya mendapat maklumat tersebut melalui buku-buku sejarah, bahan-bahan arkib, filem dan dokumentari. Namun karya-karya sastra seperti novel, hikayat, cerpen, syair dan pantun juga mampu memberi gambaran sejarah yang lebih segar. Diharapkan makalah ini dapat memberi sedikit maklumat daripada sisi yang berbeza mengenai pencerobohan penjajah di Tanah Jawa dan Nusantara.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dengan meneliti faktor-faktor pencerobohan penjajah di Tanah Jawa. Analisis yang dilakukan ini adalah dengan membandingkan dua buah teks menerusi pendekatan tematik. Pendekatan tematik bertujuan membandingkan antara sebuah karya sastra dengan sebuah atau sekelompok karya sastra lain berasaskan subjek atau unsur naratif yang pusat atau dominan (Sohaimi Abdul Aziz, 2001: 46). Hal ini sejajar dengan teks *Babad Tanah Jawa* dan *Arus Balik* kerana kedua-dua buah teks ini menampilkan unsur naratif yang sama iaitu berkisarkan mengenai sejarah kerajaan di Tanah Jawa. Menurut Jost (1974: 176-177), skop pendekatan tematik dapat dikelompokkan kepada tiga unsur iaitu linguistik, stilistik dan struktural. Walau bagaimanapun, tema, motif, dan tipa ialah unsur naratif yang penting. Hal ini dapat dilihat apabila kekuasaan atau ketamakan, peperangan atau penindasan dan pengkhianatan atau pembelotan menjadi tema, motif dan tipa dalam *Babad Tanah Jawa* dan *Arus Balik*.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Selepas kejatuhan Kerajaan Majapahit berlaku perpecahan antara kerajaan kecil di Tanah Jawa. Situasi ini menyebabkan penjajah Belanda mengambil kesempatan untuk mencero bohi Tanah Jawa pada sekitar tahun 1602. Antara faktor pencerobohan penjajah di Tanah Jawa adalah disebabkan sikap dan kepercayaan individu itu sendiri khususnya pemimpin-pemimpin tertinggi seperti Raja-raja Jawa yang ingin mempertahankan kuasa dan takhta mereka. Di sebalik itu, budaya orang Jawa yang suka berperang sesama sendiri atau lebih jelas disebut sebagai perang saudara juga merupakan faktor ini tercetus. Keadaan ini menyebabkan kerajaan-kerajaan yang ada di Tanah Jawa bertambah lemah. Lebih parah lagi, terdapat segelintir masyarakat Jawa yang mula berkomplot dengan penjajah untuk menjatuhkan kerajaan sendiri demi kepentingan politik dan peribadi. Maka makalah ini akan meneliti faktor-faktor pencerobohan penjajah di Tanah Jawa dengan membandingkan teks klasik *Babad Tanah Jawa* dan novel *Arus Balik* karya Pramoedya Ananta Toer.

Faktor 1: Sikap dan Kepercayaan Kuno

Sikap pada umumnya ialah perkara yang berkaitan dengan kelakuan, perbuatan, atau gaya seseorang. Menurut Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Ismail Abd. Muttalib (2016: 58), sikap adalah cara seseorang meletakkan diri mereka terhadap sesuatu, berfikiran terhadap sesuatu perkara dan akhirnya membentuk tingkah laku atau disebut sebagai proses psikologi. Sikap dalam konteks perbincangan ini

bersangkut paut dengan kepercayaan. Para sarjana bersetuju bahawa kepercayaan tiada definisi yang khusus kerana sifatnya yang kompleks (Haswani Dzul et al., 2021: 72). Namun secara umumnya kepercayaan ini berkait rapat dengan sifat keyakinan. Menurut Jamail Masador et. al (2023: 62) kepercayaan ini juga disebut sebagai 'iman' atau 'iktikad' hal ini kerana majoriti individu di Tanah Jawa memiliki sikap yang keras untuk mempertahankan diri, keturunan, bangsa dan negara. Dengan kata lain, sikap ini dipengaruhi oleh kepercayaan atau tradisi hidup yang diamalkan oleh mereka sejak turun-temurun. Namun begitu, sikap taasub ini telah membawa perpecahan kepada bangsa dan keturunan masyarakat Jawa itu sendiri. Hal ini dapat dilihat apabila pemimpin-pemimpin Jawa menampilkan sikap yang keras untuk mempertahankan takhta dan menguasai wilayah-wilayah di Tanah Jawa dengan tujuan mengembangkan lagi pengaruh jajahan mereka.

Perkara ini dapat dibuktikan menerusi satu peristiwa yang berlaku di Negeri Blambangan iaitu sebuah wilayah di Tanah Jawa. Dalam teks *Babad Tanah Jawa*, Raja Jawa mempercayai bahawa bayi yang dilahirkan ketika bencana berlaku perlu dibuang ke dalam laut. Dengan kata lain, bayi tersebut perlu dibunuh kerana mengikut kepercayaan orang Jawa ia boleh mendatangkan malapetaka terhadap raja yang mentadbir sesebuah negara. Disebabkan Raja Jawa yang hanya mementingkan diri dan takhtanya maka baginda sanggup berbuat demikian walaupun bayi itu adalah zuriat keturunannya sendiri.

Maka atas kehendak Sang Prabu, putrinya dikahwinkan dengan Syekh itu. Kerana baginda tidak mahu masuk Islam, pergilah Syekh itu ke negeri Melaka, sedangkan isterinya, yang sedang sarat mengandung ditinggalkannya. Sepeninggalan Syekh itu, negeri Blambangan diserang bencana besar hingga banyak orang yang mati. Ketika itu, isteri Syekh itu melahirkan seorang anak, tetapi atas kemahuan raja, anak itu dimasukkan ke dalam keranda dan dibuangkan ke dalam laut.

(M. Ramlan, 1975: 12-13)

Petikan di atas menceritakan sikap seorang raja yang mempercayai bahawa amalan membuang bayi ke dalam laut adalah satu amalan yang boleh menghentikan bencana besar daripada terus berlaku. Tindakan ini menunjukkan bahawa raja tidak sanggup melihat takhta dan wilayah pengaruhnya musnah. Misalnya, isteri Syekh yang melahirkan anak ketika Negeri Blambangan ditimpa bencana terpaksa memasukkan bayi itu ke dalam keranda dan dibuangnya ke dalam laut. Dia terpaksa berbuat demikian atas kehendak Sang Prabu (Raja Jawa) kerana sebagai rakyat, dia wajib mentaati segala titah raja supaya tidak ditimpa tulah. Sikap Sang Prabu yang diperlihatkan dalam teks di atas ini jelas menunjukkan bahawa seorang raja hanya mementingkan kuasa semata-mata berbanding nyawa seorang manusia. Kerakusan sikap ini dapat diperhatikan lagi melalui peristiwa di bawah.

"Hai Sang Prabu, kalau Tuanku ingin sembuh, bersanggamlah dengan orang wandan yang kuning rupanya." Setelah bangun, baginda lalu minta seorang abdi perempuan wandan yang dahulu dibawa oleh isterinya dari Campa. Setelah bersanggama dengan perempuan itu, maka sembuhlah sakit baginda. Abdi perempuan itu mengandung dan setelah sampai waktunya, lahirlah seorang bayi laki-laki, sangat bagus rupanya. Atas kehendak Sang Prabu, bayi itu diserahkan kepada seorang abdi, bernama Kyai Buyut Masahar, dengan pesan apabila sudah berumur delapan tahun, hendaknya dibunuh. Kerana menurut para ahli nujum, jabang bayi itu kelak akan menjadi raja, yang akan membinasakan Sang Prabu.

(M. Ramlan, 1975: 15)

Berdasarkan petikan di atas, jelas dapat dilihat bahawa Raja Jawa iaitu Sang Prabu telah menderita suatu penyakit misteri yang dipanggil sebagai penyakit raja singa. Baginda telah mendengar nasihat daripada seorang ahli nujum supaya ia bersetubuh dengan seorang abdi perempuan. Menurut ahli nujum, penyakitnya akan sembuh jika baginda bersetubuh dengan perempuan tersebut. Selepas menyetubuhi perempuan itu maka lahirlah seorang anak lelaki yang baik rupa parasnya namun bayi itu terpaksa diserahkan kepada seorang abdi yang dikenali sebagai Kyai Buyut untuk menjaganya selepas mendapat nasihat daripada ahli nujum. Lebih menyedihkan, apabila bayi itu genap usia lapan tahun

maka Sang Prabu menitahkan Kyai Buyut supaya membunuhnya kerana mengikut kepercayaan ahli nujum, bayi itu akan membinasakan diri Sang Prabu. Dengan kata lain, bayi itu kelak akan menjadi raja sekali gus menyebabkan Sang Prabu kehilangan takhta.

Kedua-dua peristiwa tersebut membuktikan bahawa Raja Jawa hanya mementingkan diri dan takhtanya sahaja kerana sanggup membuang dan membunuh bayi yang baru lahir. Nyata bahawa inilah sikap dan kepercayaan pemimpin Jawa kerana terlalu taasub mempertahankan kuasa sehingga sanggup memusnahkan keturunan dan bangsanya sendiri. Sikap ini secara tidak langsung telah meruntuhkan susur galur keturunan dan kepimpinan bangsa Jawa, akibatnya penjajah mengambil kesempatan atas kelemahan tersebut untuk menguasai Tanah Jawa. Dalam *Arus Balik* pula Pram turut menonjolkan sikap dan kepercayaan Raja-raja Jawa yang mementingkan kuasa sehingga rakyatnya berpecah belah. Hal ini membuatkan beliau mengkritik ketaasuban budaya pemimpin Jawa yang mahu mempertahankan takhta semata-mata. Pram berkata, mereka semua ini suka kepada kebesaran dan kekayaan seperti yang berlaku dalam *Babad Tanah Jawa*. Menurut Wiranggaleng, iaitu Syahbandar Muda Tuban: “dan raja-raja di Jawa sama hanya sibuk mencari kebesaran dan kekayaan dan melepaskan nafsu sendiri (Pramoedya Ananta Toer, 1995: 629). Hakikatnya, keruntuhan dan kelemahan bangsa Jawa itu sendiri berpunca daripada budaya Raja-raja Jawa dan pemimpin-pemimpin tertinggi yang hanya mementingkan diri sendiri kerana terlalu taasub dengan kekayaan dan kebesaran agar tampuk pemerintahan mereka tidak hilang. Sikap ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam petikan di bawah:

Tafsiran dan ramalan kemudian padam: Sultan Demak ke tiga dinobatkan dan telah naik ke tahta kerajaan. Orang agak kecewa dengan kenyataan itu, namun itulah kenyataan: Trenggono, adik Unus.

(Pramoedya Ananta Toer, 1995: 443)

Petikan novel di atas menunjukkan bahawa Pram meluahkan kekecewaannya terhadap sikap Raja Jawa apabila beliau menampilkan peristiwa kerakusan Sultan Trenggono untuk menguasai Tanah Jawa. Peristiwa ini seharusnya dijadikan pengajaran kerana sifat ketamakan akan mendatangkan kehancuran kepada diri sendiri. Tamsilnya, Trenggono dinobatkan sebagai Sultan Demak walaupun baginda ditentang oleh rakyatnya termasuk adiknya sendiri iaitu Adipati Unus. Hal ini dikatakan demikian kerana Trenggono tidak mempercayai bahawa tafsiran dan ramalan yang telah dibuat oleh pimpinan Kerajaan Demak sebaliknya baginda ingin memperluas kuasanya menerusi pasukan darat iaitu pasukan berkuda. Namun bondanya Ratu Aisah mengatakan bahawa tindakannya untuk menguasai kawasan darat tidak dapat mengekang perluasan pengaruh Portugis. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan “bagi Ratu Aisah, tindakan anaknya iaitu Sultan Trenggono memperkasakan angkatan daratnya hanya memerangi saudara-saudara sendiri sahaja (Pramoedya Ananta Toer, 1995: 449). Sikap dan kepercayaan Sultan Trenggono jelas diperlihatkan bahawa baginda hanya mementingkan kuasa dan kehendak nafsu semata-mata bahkan ia tidak menghiraukan langsung pendapat ibunya Ratu Aisah. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan Demak berada dalam keadaan lemah kerana rakyatnya mulai berpecah-belah akibat tidak sehaluan dengan tindakan pemimpinnya. Hakikatnya, *Arus Balik* mengungkap seputar tipu daya dan permainan politik yang berhujung pada runtuhnya kejayaan Tuban (Linda Christanty, 2006).

Jelaslah bahawa sikap dan kepercayaan individu menjadi punca kelemahan sesuatu pentadbiran seperti mana yang ditampilkan dalam *Babad Tanah Jawa* dan *Arus Balik*. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua buah teks tersebut membawa tema peristiwa yang sama iaitu tema kekuasaan, ketamakan dan kerakusan seorang raja. Tema yang ditonjolkan ini adalah disebabkan faktor sikap dan kepercayaan yang menebal dalam diri mereka sehingga menghancurkan bangsa Jawa itu sendiri. Hakikatnya, faktor ini secara tidak langsung telah membuka ruang kepada pihak penjajah untuk pencerobohi dan menakluki Tanah Jawa serta Nusantara akibat daripada perpecahan rakyat. Pram sebagai bangsa Jawa meluahkan rasa kekecewaannya terhadap sikap bangsanya sendiri dalam *Arus Balik* seperti mana yang telah diceritakan dalam *Babad Tanah Jawa* tentang kerakusan Raja-raja Jawa. Demikianlah, sesungguhnya pendekatan tematik dapat menjejaki faktor pencerobohan penjajah di Tanah Jawa dan Nusantara kerana kedua-dua buah teks tersebut memperlihatkan naratif yang sama.

Faktor 2: Perang Saudara

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), perang saudara ialah perang antara orang sebangsa atau antara puak dalam sesebuah negara. Perang seumpama ini turut berlaku di Tanah Jawa malahan ia seakan-akan menjadi satu budaya kepada masyarakat Jawa itu sendiri. Hal ini berlaku kerana kerajaan-kerajaan di Tanah Jawa seperti Kerajaan Majapahit, Kerajaan Demak, Kerajaan Mataram, Kerajaan Mekasar, Kerajaan Tuban, Kerajaan Gilingwesi, Kerajaan Pejajaran, Kerajaan Surabaya dan Kerajaan Pajang mahu mengekalkan kuasa masing-masing. Namun tindakan untuk berperang sesama sendiri sangat merugikan kerana peperangan merupakan suatu mainan penipuan, apabila musuh berkebolehan, kita mesti berpura-pura tidak berkebolehan (Xun Zi, 2009: 62). Justeru dalam teks *Babad Tanah Jawa*, perihal mengenai perang amat sarat dan kebanyakan perang ini bukan berlaku antara orang Jawa dengan penjajah Barat tetapi berlaku antara bangsa Jawa itu sendiri. Peristiwa ini dapat dilihat dalam teks *Babad Tanah Jawa* yang menunjukkan tentera Madura dan sekutu-sekutunya mula menyerang Kerajaan Mataram.

Kedua pasukan itu telah berhadapan, yang satu di sebelah timur sungai dan yang lain di sebelah sungai. Tentera Mataram tak sabar lagi menanti musuh di sebelah sungai, lalu terjun akan menyeberang ke sebelah timur. Tiba-tiba, ketika mereka sedang menyeberang, mereka dihujani tombak dan senjata-senjata lainnya, hingga banyak yang mati, baik oleh senjata-senjata musuh, maupun kerana lemas.

(M. Ramlan, 1975: 84)

Peperangan sesama sendiri atau disebut sebagai perang saudara nyata dapat dilihat dalam petikan di atas apabila tentera Madura yang datang dari Surabaya bertempur dengan tentera Mataram. Dalam peperangan tersebut, tentera Madura yang dipimpin oleh seorang ketua bernama Raden Panji Pulang Jiwa berada di sebelah timur sungai. Situasi ini berlaku disebabkan sikap dengki atau ketidakpuasan hati Pangeran Surabaya yang melihat tentera Mataram berjaya menakluki beberapa buah negeri di daerah-daerah sebelah timur Tanah Jawa. Implikasi daripada pertempuran tersebut ramai tentera dan orang Jawa terkorban akibat terkena tusukan tombak lebih parah lagi ada juga yang mati lemas di dalam sungai. Jelaslah bahawa pertempuran antara tentera Madura dan sekutunya dengan tentera Mataram merugikan kedua-dua belah pihak, hal ini secara tidak langsung melemahkan lagi kerajaan-kerajaan yang ada di Tanah Jawa. Dapat disimpulkan di sini bahawa penjajah Belanda berjaya mencero bohi Tanah Jawa bukan kerana kekuatan yang dimiliki oleh mereka tetapi kerana kelemahan bangsa Jawa itu yang suka berperang sesama sendiri.

Pada zaman itu, peperangan di Tanah Jawa sudah sebatikan dengan budaya mereka kerana ia terus berlaku bagai tiada tanda berhenti. Perkara ini dapat diteliti menerusi peristiwa peperangan yang berlaku antara Kerajaan Mataram dengan Kerajaan Mekasar. Dengan kata lain, Kerajaan Mekasar mula meluaskan wilayah jajahannya dan mereka berjaya menakluki Pejajaran dan desa-desa di sekitar kawasan tersebut. Berita taklukan Kerajaan Mekasar ini telah sampai ke telinga Sultan Mataram lalu baginda menitahkan Bupati Pesuruhan untuk menyerang tentera Mekasar. Walau bagaimanapun, tentera Mekasar mula berundur kerana sedar bahawa bilangan tentera Mataram jauh lebih ramai daripada mereka namun tentera Mekasar menunggu masa yang sesuai untuk menyerang tentera Mataram. Kisah ini dapat dihayati melalui petikan di bawah:

Kerana amat letih serta bermalam-malam tidak tidur, pada malam harinya, tentera Mataram tertidurlah dengan nyeknyaknya. Di waktu tengah malam datanglah tentera Mekasar, menyerang mereka yang sedang tidur nyenyak itu. Tentera Mataram kacau bilau, ramai mati, baik oleh lawan maupun kawannya sendiri dan yang masih hidup lari tunggang-langgang menyelamatkan diri.

(M. Ramlan, 1975: 104-105)

Kelalaian tentera Mataram mengakibatkan tentera Mekasar bertindak balas untuk menyerang mereka. Dengan kata lain, tentera Mataram tertidur akibat keletihan kerana berjaga sepanjang malam. Kesan daripada pertempuran itu menyebabkan ramai tentera Mataram dan tentera Mekasar terkorban manakala segelintir tentera yang bernasib baik pula sempat melarikan diri. Pertempuran demi pertempuran antara wilayah Jawa ini terus berlaku seperti mana peristiwa tentera Kartasura yang dipimpin oleh Pangeran Purbaya dan tentera Sunan Mangkurat yang dipimpin oleh Temenggung Ketawengan. Semua episod peperangan ini berlanjutan bagai tiada titik penamat sehingga Tanah Jawa jatuh ke tangan penjajah Belanda. Kejatuhan kerajaan-kerajaan ini seolah-olah orang Jawa sudah mula kehilangan identiti mereka. Hal ini kerana identiti ialah gambaran tentang budaya gaya hidup, pemikiran dan juga sistem nilai yang dipegang oleh sesuatu bangsa ataupun dengan lebih mudah untuk difahami adalah identiti itu merupakan tiruan ataupun cerminan kepada masyarakat terbabit (Fathin Noor Ain Ramli et al., 2021: 35). Daripada perspektif yang berbeza, dalam *Arus Balik* Pram tidak menggambarannya secara menyeluruh mengenai peperangan yang berlaku di Tanah Jawa seperti mana yang terdapat dalam *Babad Tanah Jawa* tetapi peperangan ini diperlihatkan dalam konteks Nusantara. Antaranya, peristiwa pasukan inti tentera Rajeg memasuki wilayah Tuban dari sebelah persisiran timur iaitu di tepi-tepi pantai dengan menyapu seluruh pesisir timur tanpa bersorak di sekitar daerah pelabuhan.

Mereka berdepan dengan pecahan-pecahan pasukan pengawal yang ditinggalkan. Pertempuran antara dua kekuatan yang terlatih ini berjalan dengan kegigihan dari ke dua belah pihak. Dahulu mereka sama-sama bagian balantara Tuban. Kini berkelahi saling menerkam. Sebuah pecahan kecil telah dilindas tanpa bias menyerang dan hanya bias mempertahankan diri.

(Pramoedya Ananta Toer, 1995: 410-411)

Pencerobohan tentera Rajeg mencetuskan kemarahan masyarakat Tuban sehingga berlakunya pertempuran sesama mereka. Perkara ini timbul apakala kedua-dua belah pihak pada asalnya merupakan jiran namun kini mereka berperang antara satu sama lain sehingga berlakunya perpecahan dalam kalangan rakyat Tuban. Sebagai pengarang Jawa, Pram menceritakan peristiwa ini dalam *Arus Balik* kerana peristiwa peperangan yang terdapat dalam *Babad Tanah Jawa* terlalu sarat sehinggakan keagungan bangsa dan kejayaan Jawa tidak ditonjolkan secara menyeluruh. Pergolakan yang berlaku antara orang Jawa sebenarnya membuka ruang kepada orang luar untuk menguasai mereka. Pada pandangan Pram, penjajah menjadi lebih berani kerana kita tidak mahu belajar daripada kegemilangan sejarah masa silam (Sohaimi Abdul Aziz, 2017: 37). Peristiwa perang saudara yang berlaku antara masyarakat Nusantara diceritakan lagi oleh Pram. Sebagai contoh, peristiwa seorang sultan yang ingin menguasai Tanah Jawa sehingga sanggup berperang dengan saudaranya sendiri. Perkara ini dapat ditelusuri dalam petikan novel di bawah:

Jadi Sultan akan tetap menyerang saudara-saudaranya, tetangganya untuk dapat menguasai Jawa. Tak ada jalan lain dalam meneruskan cita-cita putranda tercinta Unus daripada sekutu-kutu perang. Trenggono nyata sudah tak dapat diharapkan. Dengan hendak menguasai Jawa ia justru merusak persekutuan untuk menyerang Melaka. Ia akan tetap mencoba dan berusaha. Bila takkan didupakannya sekutu Jawa, akan dicobanya di luar Jawa: Sumatera, Sulawesi, Kalimantan.

(Pramoedya Ananta Toer, 1995: 477)

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa Sultan Trenggono yang digambarkan oleh Pram sebagai seorang pemimpin yang rakus. Hal ini dikatakan demikian kerana baginda hanya mementingkan diri kerana tamak untuk menguasai Tanah Jawa. Sebagai contoh, Trenggono mencetuskan perang saudara walaupun bondanya Ratu Aisah menentang tindakan puteranya itu namun baginda tidak mempedulikannya. Sebaliknya, Sultan Trenggono sanggup menyerang saudara-saudaranya sendiri bahkan baginda mahu meneruskan kekuasaannya di luar Tanah Jawa apabila berhasrat untuk menyerang kerajaan-kerajaan lain seperti Melaka, Sumatera, Sulawesi dan Kalimantan. Tindakan ini

menyebabkan Pram mengkritik sikap dan budaya Sultan Trenggono yang cenderung untuk berperang sesama saudara sehingga akhirnya meruntuhkan bangsa Jawa itu sendiri. Seperti mana yang kita sedia maklum, sejarah menjadi satu daerah bagi Pram untuk meneroka dan menyelami segala rahsia yang terdapat di dalamnya. Pram melihat bagaimana bangsa Jawa itu sendiri boleh dijajah oleh penjajah kerana kelemahan bangsanya.

Demikianlah bahawa peperangan menjadi tema utama dalam kedua-dua buah teks ini sehingga teretusnya perang saudara yang mengakibatkan pencerobohan penjajah berlaku di Tanah Jawa dan Nusantara. Perbezaan yang nyata antara *Babad Tanah Jawa* dan *Arus Balik* adalah mengenai keluasan konteks latar kehidupan masyarakat. Berdasarkan pendekatan tematik, kedua-dua buah teks ini memaparkan tema yang sama iaitu peperangan yang berlaku antara masyarakat tempatan. Namun begitu, latar kehidupan yang terdapat dalam *Babad Tanah Jawa* hanya berada di dalam ruang lingkup Tanah Jawa tetapi Pram dalam *Arus Balik* cenderung melihat peperangan ini dalam konteks yang lebih luas iaitu Nusantara. Hakikatnya, pendekatan tematik berupaya membawa pembaca menyelami dan menghayati kreativiti pengarang khususnya Pram kerana pengarang membawa pembaca ke suatu zaman lampau yang lebih segar.

Faktor 3: Komplot dengan Penjajah

Pencerobohan penjajah di Tanah Jawa adalah disebabkan kerana orang Jawa itu sendiri berkomplot dengan pihak penjajah. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), komplot dapat didefinisikan sebagai satu rancangan atau pakatan sulit yang bertujuan melakukan kejahatan, menimbulkan kekacauan atau menimbulkan permusuhan antara kita. Dalam konteks analisis ini, komplot yang berlaku adalah antara Kerajaan Jawa dengan penjajah Belanda. Kedua-dua pihak tersebut berpakat untuk menakluki Tanah Jawa. Pengkhianatan ini berlaku disebabkan masing-masing ingin meluaskan pengaruh mereka di samping mendapatkan perlindungan daripada pihak penjajah itu sendiri. Dalam teks *Babad Tanah Jawa*, diceritakan bahawa Kerajaan Mataram telah bekerjasama dengan penjajah Belanda untuk menawan kota Surabaya dan peristiwa ini dapat diteliti melalui petikan di bawah.

Keesokan harinya, tentera Mataram bersama-sama dengan tentera Belanda bertolaklah ke Surabaya.

(M. Ramlan, 1975: 105)

Sikap belot Kerajaan Mataram jelas dapat dilihat apabila mereka bersama-sama penjajah Belanda menyerang Kerajaan Surabaya. Sikap yang berpihak kepada musuh ini adalah satu pengkhianatan besar terhadap bangsa Jawa kerana mereka tidak berlaku jujur. Kedatangan Belanda yang diketuai oleh Kapten Dulkup dan diiringi oleh Ondorop telah disambut baik oleh Raden Prawirataruna sendiri. Raden Prawiraturana adalah wakil daripada Kerajaan Mataram yang ditugaskan untuk menyambut kedatangan Belanda atas titah sultan supaya Belanda dapat ikut serta menentang musuh bersama-sama mereka. Situasi ini menyebabkan kompeni Belanda berasa amat gembira lalu berkata dengan gembira, pembesar kompeni Belanda menjawab, “memang sudah lama kutunggu-tunggu perintah Sultan” (M. Ramlan, 1975: 105). Implikasi daripada kerjasama ini merugikan bangsa Jawa itu sendiri bahkan memberi keuntungan kepada penjajah Belanda untuk berkuasa sekali gus menakluki Tanah Jawa.

Peristiwa lain yang memaparkan masyarakat Jawa berpaling tadah iaitu khianat terhadap bangsanya sendiri apabila Martapura yang pada mulanya ingin berlawan dengan Belanda namun beliau tidak sanggup bertindak sedemikian kerana takut akan kekuatan Belanda itu. Lebih menyedihkan, Martaputra telah memungkir janji untuk memusnahkan kompeni Belanda di Jepara seperti kata-katanya di dalam teks, Martapura menyambung “besok pagi, akan musnahlah kompeni di Jepara” (M. Ramlan, 1975: 142).

...maka Sindureja pun mengirimkan utusan untuk memanggil Martapura. Sampai di rumahnya, Martapura sedang berbaring dengan dahinya ditampal pilis, kelihatan sedang sakit. Sebenarnya ia tidak sakit, melainkan hanya pura-pura sahaja, kerana ia menyesal sekali telah sanggup melawan Belanda.

(M. Ramlan, 1975: 143)

Pernyataan di atas menunjukkan peristiwa pembelotan Martapura apabila dia berpura-pura sakit kerana tidak sanggup melawan dengan penjajah Belanda. Peristiwa ini sebenarnya merupakan protes bangsa Jawa itu sendiri yang disebut sebagai *silent protest*. Jika ramai orang Jawa yang bersikap sedemikian keadaan ini akan memudahkan pihak penjajah menguasai Tanah Jawa akibat daripada pengkhianatan bangsa Jawa itu sendiri. Di sebalik itu, Pram juga mengkritik tindakan bangsanya yang berkerjasama dengan penjajah dan perkara ini beliau paparkan dalam novel *Arus Balik*.

Portugis dalam usahanya untuk melaksanakan rencananya memutuskan untuk menghubungi kembali "sahabat lama" Pajajaran dan minta ijin untuk mendirikan "kantor dagang" di Sunda Kelapa. Dengan adanya "kantor dagang" Pajajaran tak perlu memiliki meriam sendiri, karena "kantor" akan melindunginya dari serangan kerajaan-kerajaan lain.

(Pramoedya Ananta Toer, 1995: 444)

Pram yang berjiwa nasionalis mengkritik tindakan Kerajaan Pajajaran yang bekerjasama dengan Portugis. Kedua-dua pihak ini saling bekerjasama dalam urusan dagangan untuk mengembangkan lagi aktiviti perniagaan. Dengan kata lain, pihak Portugis berhasrat untuk membina sebuah pejabat dagangan yang dilengkapi dengan alat persenjataan canggih seperti meriam di Pajajaran. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Pajajaran bersekongkol dengan pihak Portugis adalah untuk mendapatkan perlindungan supaya kerajaan-kerajaan lain di Nusantara tidak dapat menyerang mereka. Sehubungan dengan itu, watak Wiranggaleng dalam novel *Arus Balik* berpendapat bahawa kekalahan orang Jawa itu disebabkan oleh warga Nusantara yang tidak bersatu membina kekuatan yang padu. Akhirnya, perubahan demi perubahan serta intrik politik, pengkhianatan, dan keirian hati menjadikan bumi Jawa terutama Tuban semakin terpuruk, dengan datangnya orang asing, orang-orang Peranggi (Kumaidi, 2017: 200).

Adipati Unus satu-satunya orang yang berani berusaha mempersatukan kekuatan melawan Portugis, dan berani melaksanakan penyerangan. Kekalahan yang terjadi bukan kekalahan perang, tetapi kegagalan dalam mengatur kekuatan sendiri.

(Pramoedya Ananta Toer, 1995: 195)

Pernyataan di atas jelas membuktikan bahawa kekalahan orang Jawa disebabkan kelemahan bangsanya sendiri yang tidak bersatu padu. Bangsa Jawa pada ketika itu seperti duri dalam daging, mereka hanya mementingkan diri sendiri kerana sanggup bekerjasama dengan pihak penjajah. Hal ini membolehkan penjajah meluaskan dasar dan amalannya justeru unsur kolonialisme yang diserapkan secara tidak langsung ketika penjajahan kuasa asing ketika dahulu juga telah merosakkan budaya dan adat turun temurun masyarakat pelbagai bangsa dan agama dalam negara (Maryam Taib & Roslan Chin, 2022: 77). Sebagai contoh, keberanian Adipati Unus merupakan pengajaran yang ditonjolkan oleh Pram kepada pembaca bahawa usaha berani seorang wira dalam menyatukan kekuatan tidak akan berjaya sekiranya ada bangsanya sendiri yang berpaling tadah.

Perkara yang terkandung dalam *Babad Tanah Jawa* selari dengan perkara yang ditampilkan oleh Pram dalam novel *Arus Balik* apabila kedua-dua buah teks tersebut memaparkan tema yang sama iaitu tema pengkhianatan. Tema ini dapat dirungkai apabila wujudnya sikap orang Jawa yang berkomplot dengan penjajah. Namun dalam konteks keluasan kerajaan, *Babad Tanah Jawa* hanya membincangkan kerjasama kerajaan-kerajaan di Tanah Jawa dengan penjajah Belanda namun novel *Arus Balik* lebih luas kerana konteks penceritaannya meliputi kerjasama antara kerajaan di Nusantara yang berkomplot

dengan penjajah Portugis. Hakikatnya, tindakan ini adalah faktor utama yang menyumbang kepada kejatuhan kerajaan-kerajaan di Jawa dan Nusantara.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pendekatan tematik memperlihatkan teks klasik *Babad Tanah Jawa* dan teks moden *Arus Balik* memiliki persamaan yang ketara mengenai peristiwa pencerobohan penjajah khususnya di Tanah Jawa dan amnya di Nusantara. Faktor-faktor pencerobohan ini disebabkan kelamahan bangsa yang dijajah itu kerana mereka mengamalkan sikap pentingkan diri sendiri dan taasub dengan kepercayaan kuno. Perang saudara dalam kalangan masyarakat dan orang Jawa yang berkomplot dengan penjajah juga merupakan faktor pencerobohan penjajah di Tanah Jawa dan Nusantara. Pada pandangan Pram, penjajah menjadi lebih berani kerana kita tidak mahu belajar daripada kegemilangan sejarah masa silam (Sohaimi Abdul Aziz, 2017: 37).

Teks klasik *Babad Tanah Jawa* memperlihatkan secara keseluruhannya kisah di Tanah Jawa manakala teks moden *Arus Balik* yang ditulis oleh Pram lebih bersifat sejagat kerana ia memperlihatkan kisah di Nusantara. *Babad Tanah Jawa* juga telah mengisahkan budaya masyarakat Jawa yang sarat dengan sikap dan kepercayaan individu yang meruntuhkan bangsa yang dijajah itu sendiri. Sebaliknya, *Arus Balik* ialah sebuah karya yang mengangkat kekuatan maritim Majapahit dan kesannya kepada kekuatan Nusantara sebagai satu kawasan geografi yang luas dan bersatu di bawah panji jaringan kekuatan angkatan laut yang berwibawa (Sohaimi Abdul Aziz, 2016: 38).

Apabila kelemahan diri mula menjadi penyakit dalam jiwa orang Jawa seperti yang terpapar dalam kedua-dua buah teks ini, maka penjajah mengambil kesempatan untuk menguasai wilayah mereka. Sungguhpun Pram tidak mengkritik penjajah secara keterlaluan, namun beliau membuat andaian bahawa penjajah menjadi kuat kerana mereka yang dijajah adalah begitu lemah (Sohaimi Abdul Aziz, 2016: 38). Hal ini kerana Pram menulis karya disebabkan kesedaran sejarah kepada bangsanya yang dijajah. Dengan keadaan sedemikian, Pram mengatakan bahawa tulisan-tulisannya sarat dengan pesan-pesan kemanusiaan serta keberpihakan kepada yang lemah, yang ditindas (Eka Kurniawan, 1999: v).

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia, rakan penyelidik, dan institusi pengajian atas sokongan serta bimbingan. Terima kasih kepada Profesor Dr. Jelani Harun (mantan Profesor Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia) kerana membantu saya untuk menghasilkan makalah ini sewaktu Kursus HKB 503/4 Seminar Silang Budaya Kesusasteraan Asia Tenggara. Segala sokongan, bantuan ilmiah amat dihargai dalam merealisasikan penulisan makalah peradaban Melayu ini.

RUJUKAN

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). "Portal Pusat Rujukan Persuratan Melayu." Retrived from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=perang+saudara>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). "Portal Pusat Rujukan Persuratan Melayu." Retrived from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=komplot&d=243192&>
- Edy Suparjan. (2019). *Pendidikan Sejarah untuk Membentuk Karakter Bangsa*. Yogyakarta: Deepublish.
- Eka Kurniawan. (1999). *Pramoedya Ananta Toer dan Sastra Realisme Sosialis*. Yogyakarta: Yayasan Aksara Indonesia.
- Fathin Noor Ain Ramli, Azhar Wahid & A. Halim Ali. (2021). Pengurusan Identiti Bangsa dalam Trilogi Karya Hamka. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 33-48.

- Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Kepercayaan dalam Komuniti sebagai Faktor dalam Melestarikan Budaya KPP di Sekolah. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 4(2), 70-82.
- Jamail Masador, A. Halim Ali & Azhar Wahid. (2023). Kepercayaan Lama dalam Budaya bukan Benda Masyarakat Kimaragang Menerusi Cerita Rakyat Terpilih. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 57-74.
- Jost, Francois. (1974). *Introduction to Comperative Literature*. Indianapolis and New York: Pegasus: A Division of The Boobs-Merill Company, Inc.
- Koh Young Hoon. (1996). *Pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam Novel-novel Mutakhirnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kumaidi. (2019). Konteks Sejarah Maritim Indonesia dalam Novel *Arus Balik* Kaya Pemoedya Ananta Toer Kajian New Historism. *Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pembelajarannya EDU-KATA*, 4(2), 195-204.
- Linda Christanty. (2006). *Arus Balik* dalam Hidup Pramoedya Ananta Toer. *Portal Indo Progress*. Retrived from <https://indoprogress.com/2006/05/arus-balik-dalam-hidup-pramoedya-ananta-toer/>
- M. Ramlan. (1975). *Babad Tanah Jawa*. (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Maryam Taib & Roslan Chin. (2022). Ketamakan Manusia Berkuasa dalam Novel *Nabatah* Karya Mohd. Khairy Haji Halimi. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(1), 73-86.
- Nur Shahirah Amir & Mawar Safei. (2023). Kreativiti Perwatakan dan Sejarah dalam Novel Wanita Rawa Terakhir. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(2), 23-39.
- Pramoedya Ananta Toer. (1995). *Arus Balik*. Kuala Lumpur: Wira Budaya.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2001). Sisyphus dan Sisifus: Satu Pendekatan Tematik. Dalam *Kesusasteraan Bandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2017). Maritim Majapahit dalam *Arus Balik*: Satu Penelitian Oksidentalisme. Dalam *Novel dan Puisi dalam Kritikan Sastera*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Ismail Abd. Muttalib. (2016). Kajian Sikap Rakyat Malaysia terhadap Kesetiaan kepada Negara. *Journal of Techno-Social*, 8(2), 56-69.
- Wan Roshazli Wan Razali. (2023). Sultan Mahmud Badaruddin II, Wira Masyarakat Palembang. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 32-45.
- Xun Zi. (2009). Kaedah Peperangan. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 1(1), 61-88.